

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : TUNTUTAN BAYARAN BALIK LETAK KENDERAAN

TARIKH UBAHSUAI : 2 APRIL 2019

MUKASURAT : 1/3

Bil	Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
1.	Tuntutan Bayaran Balik Letak Kenderaan. (BLK)	<p>Tuntutan bagi bayaran balik letak kenderaan oleh pegawai yang disahkan oleh Ketua Jabatan perlu menggunakan kenderaan sendiri untuk menjalankan tugas rasmi dan menyewa petak letak kereta atau motosikal yang terletak di persekitaran pejabat. Tugas rasmi adalah tugas berkaitan dengan tugas pejabat selain daripada menghadiri kursus yang dibenarkan yang memerlukan pegawai kerap kali keluar masuk pejabat.</p> <p>1.0 Pastikan tuntutan disediakan bersama dengan dokumen sokongan berikut:</p> <p>1.1 Borang Tuntutan Perjalanan;</p> <p>Sekiranya pada bulan tersebut pegawai tidak mempunyai tuntutan perjalanan, memadai dinyatakan dalam kenyataan "Tuntutan bayaran Balik Letak Kenderaan".</p> <p>1.2 Borang Permohonan Tuntutan</p> <p>1.3 Resit asal (sama ada tiket harian atau pas bulanan serta resit sewaan pukal atau tiket harian bercampur antara kereta dan motosikal)</p> <p>1.4 Salinan penyata akaun bank/maklumat akaun bank (sekiranya perlu)</p>	<p>SPP Bil. 2 Tahun 2011 bertarikh 29 Jun 2011 (Rujuk Lampiran 1)</p> <p>WP1.4 Lampiran C</p> <p>Lampiran A</p>

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : TUNTUTAN BAYARAN BALIK LETAK KENDERAAN

TARIKH UBAHSUAI : 2 APRIL 2019

MUKASURAT : 2/3

Bil	Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
	Tuntutan Bayaran Balik Tempat Letak Kenderaan	<p>2.0 Semak bulan dan tahun kewangan, jika bukan tahun semasa pastikan Sijil AP58(a) disertakan & memenuhi syarat berikut :</p> <p>2.1 Tuntutan hendaklah dibayar dalam tahun kewangan kelulusan AP58(a) diterima;</p> <p>2.2 Baki peruntukan dalam tahun kewangan perbelanjaan sepatutnya dibayar dan baki peruntukan tahun semasa adalah mencukupi;</p> <p>2.3 Sekiranya syarat AP58 (a) tidak dipatuhi, pastikan surat kelulusan Perbendaharaan disertakan.</p> <p>3.0 Semak kelayakan pegawai dan kadar seperti berikut:</p> <p>3.1 Pegawai perlu menyewa petak letak kereta atau motosikal yang terletak di persekitaran pejabat dan disewa secara bulanan;</p> <p>3.2 Tuntutan melalui tuntutan perjalanan bulanan dan berdasarkan resit;</p> <p>3.3 Jabatan boleh menerima sama ada tiket harian atau pun pas bulanan serta resit sewaan secara pukal atau tiket harian bercampur kereta dan motosikal; dan</p> <p>3.4 Kadar adalah berdasarkan kadar sebenar atau maksimum RM90.00 mengikut mana yang lebih rendah bagi setiap pegawai</p>	<p>Arahan Perbendaharaan 58(a)</p> <p>SPP Bil. 2 Tahun 2011 bertarikh 29 Jun 2011 (Rujuk Lampiran 1)</p>

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : TUNTUTAN BAYARAN BALIK LETAK KENDERAAN

TARIKH UBAHSUAI : 2 APRIL 2019

MUKASURAT : 3/3

Bil	Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
	Tuntutan Bayaran Balik Letak Kenderaan. (BLK)	<p>Ketua Jabatan masih boleh terus membuat bayaran BLK walaupun tidak membuat tuntutan elaun perjalanan kenderaan pada bulan berkenaan.</p> <p>5.0 Pastikan kod akaun yang digunakan</p> <p>B0221199 : Bayaran-bayaran lain (seperti tip, tol, bayaran Lapangan Terbang dan bayaran meletak kereta) – (Kakitangan Awam Dalam Negeri)</p> <p>B0221299 : Bayaran-bayaran lain (seperti tip, tol, bayaran Lapangan Terbang dan bayaran meletak kereta) – (Kakitangan Awam Di Luar Negeri)</p> <p>B0221399 : Bayaran-bayaran lain (seperti tip, tol, bayaran Lapangan Terbang dan bayaran meletak kereta) – (Pasukan Keselamatan Dalam Negeri)</p> <p>B0221499 : Bayaran-bayaran lain (seperti tip, tol, bayaran Lapangan Terbang dan bayaran meletak kereta) – (Pasukan Keselamatan Di Luar Negeri)</p>	<p>Surat JPA 28/11(71) bertarikh 29 Jun 2006 (Rujuk Lampiran 2)</p> <p>SPANM Bil. 10 Tahun 2017</p>

LAMPIRAN A

PERMOHONAN TUNTUTAN BAYARAN BALIK LETAK KENDERAAN

BAHAGIAN A : BUTIR-BUTIR PERMOHONAN
--

1. Nama Pemohon : _____
2. No. Kad Pengenalan : _____
3. No. Gaji : _____
4. Jawatan / Gred : _____
5. Bahagian / Unit : _____
6. Jumlah Tuntutan : _____

Saya mengaku bahawa butir-butir permohonan di atas adalah benar dan perbelanjaan adalah atas tugas rasmi.

.....
(Tandatangan Pemohon)

Nama

Tarikh : _____

BAHAGIAN B : PENGESAHAN KETUA JABATAN
--

Adalah disahkan bahawa pegawai di atas layak diberi kemudahan bayaran balik letak kenderaan.

.....
(Tandatangan Ketua Jabatan)

Cop Rasmi Jawatan

Tarikh : _____

Sila sertakan Resit **ASAL**.

JPA(BGE) 223/5/4-3 (66)

No. Siri :



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 2 TAHUN 2011

PERATURAN BAYARAN BALIK LETAK KENDERAAN

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan bagi menambahbaik syarat dan peraturan kemudahan Bayaran Balik Letak Kereta yang berkuat kuasa selaras dengan hasrat Kerajaan untuk sentiasa menambahbaik dan mempermudah pelaksanaan dasar, syarat dan peraturan.

LATAR BELAKANG

2. Kemudahan Bayaran Balik Letak Kereta diperkenalkan semasa pelaksanaan Sistem Saraan Baru dan penjelasan pelaksanaannya melalui Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 1992 yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 1992. Pada tahun 2009 melalui Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2009, Kerajaan bersetuju untuk menaikkan kadar kemudahan Bayaran Balik Letak Kereta daripada RM30.00 kepada RM90.00.

3. Kemudahan Bayaran Balik Letak Kereta adalah diberi dengan tujuan untuk membantu pegawai Perkhidmatan Awam yang disahkan oleh Ketua Jabatan perlu menggunakan kenderaan sendiri untuk menjalankan tugas rasmi dan menyewa petak letak kereta yang terletak di persekitaran pejabat. Dalam konteks ini, "menjalankan tugas rasmi" yang dimaksudkan adalah tugas yang berkaitan dengan tugas pejabat

selain daripada menghadiri kursus yang dibenarkan yang memerlukan pegawai kerap kali keluar masuk pejabat.

4. Mengambil kira kemudahan Bayaran Balik Letak Kereta turut dipanjangkan kepada penggunaan motosikal dalam menjalankan tugas rasmi maka kemudahan ini dipinda kepada kemudahan Bayaran Balik Letak Kenderaan.

KAEDAH DAN SYARAT PEMBAYARAN

5. Syarat-syarat bagi pegawai yang layak menuntut kemudahan Bayaran Balik Letak Kenderaan adalah seperti berikut:

- 5.1 pegawai perlu menyewa petak letak kereta atau motosikal yang terletak di persekitaran pejabat dan disewa secara bulanan;
- 5.2 tuntutan boleh dibuat melalui tuntutan perjalanan bulanan pegawai dan berdasarkan resit;
- 5.3 jabatan boleh menerima sama ada tiket harian ataupun pas bulanan serta resit sewaan secara pukal atau tiket harian bercampur antara kereta dan motosikal; dan
- 5.4 kadar adalah berdasarkan kadar sebenar atau maksimum RM90.00 mengikut mana yang lebih rendah bagi setiap pegawai.

PEMBATALAN

6. Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling Perkhidmatan ini, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 1992 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2009 dibatalkan.


TARIKH KUAT KUASA

7. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai 1 Julai 2011.

PEMAKAIAN

8. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Surat Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI ABU BAKAR BIN HAJI ABDULLAH)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

29 Jun 2011

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y. B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan




JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
 BAHAGIAN GAJI DAN ELAUN
 Aras 9-10, Blok C2, Parcel C
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
 62510 W.P. PUTRAJAYA
 MALAYSIA



Pemenang Anugerah Kualiti
 Perdana Menteri 2004

Tel : 03-88853000
 Faks : 03-88892218/88893062
 03-88892219/88892230/88892231
 Web : http://www.jpa.gov.my



Ruj. Kami : JPA 28/11(91)

Tarikh : 04 Jun 2006

Pengarah Cawangan
 Jabatan Akauntan Negara Malaysia
 Cawangan Pulau Pinang
 Tingkat 42, KOMTAR
 10000 PULAU PINANG
 (u.p : Tuan Haji Mat Nazri bin Harmine)



Tuan,

BAYARAN BALIK LETAK KERETA

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada surat tuan ANM(S)PG.243 Jld.10(87) bertarikh 1 Jun 2006 mengenai perkara di atas.

2. Sepertima pihak tuan sedia maklum, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4/1992 menetapkan kelayakan pegawai menikmati Bayaran Letak Kereta (BLK). Surat Jabatan ini bertarikh 26 Mei 1993 menjelaskan mengenai kelayakan pegawai menuntut BLK dalam keadaan dimana pegawai berkenaan tidak menjalankan tugas rasmi di luar pejabat dalam satu-satu bulan. Tidak ada percanggahan di antara kedua surat berkenaan. Ini disebabkan pada dasarnya hanya pegawai yang dikenalpasti oleh Ketua Jabatan perlu menggunakan kenderaan sendiri dalam menjalankan tugas rasmi layak BLK. Oleh yang demikian, pegawai yang dikenalpasti oleh Ketua Jabatan layak BLK masih terus layak bayaran berkenaan walaupun tidak membuat tuntutan Elaun Perjalanan Kenderaan pada bulan berkenaan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

Mohd Saleh Bin Abd Jabbar
 (MOHD SALEH BIN ABD JABBAR)
 Bahagian Gaji dan Elaun
 b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
 Malaysia

Pengarah Cawangan	
Pendamping	✓
Pert. Perhubungan	
Pert. Penyelidikan	
Pert. Pengurusan	✓
Pert. Pendidikan	
Pert. Teknologi Maklumat	
Pert. Tadbir Urus (Logistik)	
Pert. Tadbir Urus (Keperluan)	

Amrita dapat di bayarkan bersama